

Headline	15 pokok terpaksa ditebang		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Feb 2013	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	26	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	484 cm <sup>2</sup>
Journalist	kota@utusan.com.my	AdValue	RM 9,566
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,698



# Bagi pastikan laluan, bangunan dalam projek Jejak Warisan 2 tidak terjejas 15 pokok terpaksa ditebang

Oleh SITI AINIZA KAMSARI

kota@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 13 Feb. - Projek Jejak Warisan 2 yang sedang diusahakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terpaksa mengorbankan beberapa batang pokok.

Projek itu yang terletak dalam kawasan antara Jalan Melaka dengan Bukit Nanas sepanjang kira-kira 1.5 kilometer memerlukan 15 batang pokok, kebanyakannya pokok sena atau angkana, ditebang kerana selain menghalang laluan pejalan kaki, terutamanya golongan orang kelainan upaya (OKU).

Datuk Bandar, Datuk Ahmad Phesal Talib berkata, ada di antara pokok-pokok itu sudah rosak manakala sebahagian yang lain telah menyebabkan laluan pejalan kaki rosak dan menjejaskan ketahanan tanah dan bangunan berhampiran.

Selain itu, tindakan itu perlu dilakukan setelah pertimbangan mengenai kemudahan untuk golongan orang upaya (OKU) turut diambil kira oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Ahmad Phesal Talib memberitahu, DBKL akan bekerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi memastikan tindakan itu tidak mengganggu aspek kehijauan, iaitu tetap terpelihara meliputi hampir 28 peratus kawasan di seluruh Kuala Lumpur.

"Di samping atas faktor keselamatan, kebanyakan pokok dan dahan-dahannya mengalami proses pereputan, menyebabkan mudah rapuh dek faktor usia, yang boleh menyebabkan berlakunya kemalangan dan tragedi ke-

pada para pengguna jalan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mengadakan sesi *walkabout* dengan para pegawai DBKL, wakil dari pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Free Tree Society dan

Persatuan Landskap Malaysia yang meliputi kawasan Masjid Jamek Kuala Lumpur hingga ke Pusat Maklumat Perhutanan Bukit Nanas.

Dalam sesi *walkabout* itu beliau mengambil kesempatan untuk melihat sendiri dan meneliti pokok-pokok matang tersebut dan kualiti ruang pejalan kaki dari Jalan Melaka, Jalan Gereja dan Jalan Raja Chulan.

"Kita jangan menggunakan sangat istilah tebang yang bertujuan untuk memusnahkan seluruh hayat pokok-pokok tersebut, tetapi lebih kepada tebang dan mungkin boleh dipindahkan semula ke tempat asal mengikut kesesuaian apabila pokok-pokok tersebut kita rawat terlebih dahulu.

"Paling utama kita akan tebang untuk digantikan dengan spesies pokok hutan lain yang lebih tahan lama, yang lebih memberikan teduhan, lebih menepati kehendak biodiversiti, ekologi dan pembekal oksigen utama di kota raya ini," katanya.

Tegas beliau, semua perancangan ini tidak akan menyebabkan Kuala Lumpur kehilangan elemen-elemen hijau malah DBKL bercadang untuk meningkatkan keluasan hijau di bandar raya ini daripada 28 peratus kepada 30 peratus.

Sebelum itu beliau mendengar sesi taklimat mengenai reka bentuk lan-

dskap Jejak Warisan 2 atau Heritage Trail Route 2 yang meliputi kawasan-kawasan Masjid Jamek Kuala Lumpur hingga ke Muzium Telekom.

Projek pengindahan landskap di kawasan tersebut melibatkan Zon Satu, iaitu pembinaan Dataran Warisan, iaitu mengambil sempena Jalan Melaka yang akan dihias dengan wakaf-wakaf, tempat duduk dari reka bentuk acuan kuih tradisi Melayu dan lampu dari motif bubu.

Untuk Zon Dua yang melibatkan bangunan Muzium Telekom, akan dibina Taman Urban, dilengkapi dengan landskap lembut dan kejur dengan

penerapan elemen air untuk menyejukkan kawasan dan pandangan.

Tempat duduk dan papan kenyataan disediakan berhadapan muzium untuk menggalakkan pejalan kaki berehat sambil menikmati keindahan seni bina dan memahami sejarah bangunan warisan berkenaan.

Sementara di Zon Tiga yang melibatkan Hutan Simpan Bukit Nanas akan dibina landskap berdekatan pintu masuk dengan elemen perabut-perabut jalan terdiri daripada bahan-bahan kayu dan reka bentuk lampu bermotifkan abstrak akar kayu dan serangga kunang-kunang.


Tempat-tempat duduk dan papan kenyataan disediakan untuk berehat sambil mengenali sejarah bangunan warisan Gereja St. Andrew Church terletak di hadapannya.

Keseluruhan projek ini menelan belanja sebanyak RM5 juta yang telah bermula sejak Januari lalu dan dijangka siap Ogos akan datang.

Headline	15 pokok terpaksa ditebang		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Feb 2013	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	26	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	484 cm <sup>2</sup>
Journalist	kota@utusan.com.my	AdValue	RM 9,566
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,698



**AHMAD Phesal Talib (tiga dari kanan) melihat gambaran artis dan bertanya sesuatu kepada wakil syarikat perunding projek Jejak Warisan 2 semasa sesi *walkabout* di tapak projek itu di Kuala Lumpur semalam.**



**AHMAD Phesal Talib (depan, kiri) melihat salah sebatang pokok yang telah ditandakan untuk ditebang kerana telah rosak. - UTUSAN/AZLIZA HAILANI**